

WANG

Harga Kos

Harga barang yang diperoleh peniaga sebelum dijual.

Rabat

Potongan daripada sejumlah bayaran atau pemulangan sebahagian wang selepas pembelian barangan

Bil

Penyata bertulis tentang pembelian sesuatu barang atau perkhidmatan yang diterima.

Liabiliti

Tanggungan kewangan atau hutang.

Harga Jual

Harga sesuatu barang yang dijual kepada pembeli.

Diskaun

Potongan harga daripada harga asal.

Invois

Maklumat barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada pelanggan dan jumlah yang perlu dibayar oleh pelanggan dicatatkan secara terperinci.

Faedah

Sejumlah wang yang diperoleh atas simpanan wang di bank.

Untung

Didapati apabila harga jual lebih tinggi daripada harga kos.

Rugi

Terjadi apabila harga kos lebih tinggi daripada harga jual.

Aset

Apa yang dimiliki seperti wang tunai dan harta benda

Cukai Perkhidmatan

Cukai yang perlu dibayar ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan tertentu seperti hotel dan restoran makanan segera